

KHUTBAH JUMAAT

“TANGGUNGJAWAB LELAKI TERHADAP WANITA” (27 November 2020M/ 11 Rabiulakhir 1442H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الْغَنِيِّ الْحَمِيدِ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى فِي كِتَابِهِ الْعَزِيزِ :

الرِّجَالُ قَوَّامُونَ عَلَى النِّسَاءِ بِمَا فَضَّلَ اللَّهُ بَعْضَهُمْ عَلَى بَعْضٍ وَبِمَا أَنْفَقُوا
مِنْ أَمْوَالِهِمْ ...

Maksudnya : *Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan, oleh kerana Allah telah melebihkan orang lelaki (dengan beberapa keistimewaan) atas orang perempuan, dan juga kerana orang lelaki telah membelanjakan (memberi nafkah) sebahagian dari harta mereka ...*
(Surah an-Nisa', ayat 34)

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita meningkatkan keimanan dan ketaqwaan kepada Allah secara istiqamah dengan melaksanakan perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya, menyeru kepada perkara-

perkara yang membawa kebaikan dan mencegah segala bentuk kemungkaran. Semoga dengan meningkatnya keimanan dan ketaqwaan itu, akan menjadi nilai tambah kepada diri kita untuk menjadi mukmin sejati. Mimbar pada hari ini ingin mengajak muslimin semua untuk menghayati khutbah bertajuk **“Tanggungjawab Lelaki Terhadap Wanita”**.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Lelaki dijadikan oleh Allah *subhanahu wata'ala* sebagai pemimpin kepada wanita seperti mana firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah an-Nisa' ayat 34 yang telah dibacakan pada permulaan khutbah tadi. Imam Ibnu Kathir *rahimahullah* menjelaskan makna *qawwamun* itu ialah lelaki sebagai pemimpin atau penguasa wanita, pemutus, membimbing dan mengajar adab susila serta membetulkannya jika berlaku kesilapan dan pelanggaran syariat tuhan. Atas dasar inilah maka di bahu mereka terpikul amanah yang cukup besar berkaitan dengan tanggungjawab dan peranan mereka terhadap para wanita.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Tanggungjawab seorang lelaki terhadap wanita adalah merangkumi empat golongan wanita yang terdiri daripada ibu, isteri, anak perempuan dan saudara perempuan mereka.

Pertama: Ibunya

Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* telah menetapkan bahawa Islam amat mengutamakan ibu sebagai insan yang layak menerima segala layanan yang terbaik dari setiap anak-anaknya. Ini kerana

segala pengorbanan yang ditanggung oleh ibu sepanjang tempoh kehamilan diikuti dengan proses melahirkan, kemudian memelihara untuk membesarkan kita adalah satu tempoh yang amat sukar. Namun, ia berjaya mengatasinya dengan sebab rasa kasih sayang yang mendalam dalam diri si ibu berserta sokongan dari si bapa.

Jelaslah bahawa terlalu banyak jasa dan pengorbanan oleh ibu, maka selayaknyalah ibu diberi penghormatan yang begitu tinggi, ini tepat sekali dengan hadis daripada Abu Hurairah *radhiallahu anhu* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda yang bermaksud:

“Seorang lelaki telah datang kepada Rasulullah sallallahu alaihi wasallam dan berkata; Wahai Rasulullah, siapakah insan yang paling utama aku berbuat baik kepadanya? Baginda bersabda; Ibumu. Lelaki itu bertanya lagi, kemudian siapa? Baginda menjawab; Ibumu. Lelaki itu bertanya lagi; kemudian siapa? Baginda menjawab; Ibumu. Lelaki bertanya lagi; kemudian siapa? Baginda menjawab; Bapamu”.

(Hadis riwayat Imam al-Bukhari dan Imam Muslim).

Kedua: Isterinya

Dalam menjalani kehidupan berumahtangga, lelaki ialah ketua keluarga sesuai dengan fitrah kejadiannya yang lebih gagah dan beberapa kelebihan lain berbanding wanita. Tanggungjawab suami atau lelaki sebagai ketua (pemimpin) kepada perempuan ditegaskan oleh Allah melalui firman-Nya dalam surah at-Tahrim ayat 6 yang maksudnya:

“Wahai orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu daripada api neraka yang bahan-bahan bakarannya ialah manusia dan batu (berhala). Neraka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat-malaikat yang keras kasar (layanannya). Mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkan-Nya kepada mereka dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan”.

Islam mensyaratkan lelaki sentiasa menjadi pelindung dan berbuat baik terhadap wanita. Sebagai pemimpin, lelaki dipertanggungjawabkan menjaga keselamatan, kebajikan dan menyediakan keperluan hidup untuk isteri dan anak mereka. Oleh itu, para suami hendaklah melaksanakan tanggungjawab dan tugas mereka dengan amanah supaya rumahtangga mereka akan lebih mantap dan kukuh.

Ketiga: Anak perempuannya

Apabila seorang lelaki diberikan amanah berbentuk cahaya mata, maka bertambahlah juga tanggungjawab yang perlu dipikul. Fungsi mendidik anak sememangnya terletak pada bahu seorang bapa, manakala ibu sebagai pendokong dan penyokong utamanya. Lebih-lebih lagi anak perempuan yang memerlukan pendekatan dan pendidikan yang berbeza dari anak lelaki kerana sifat dan perasaan mereka yang lembut dan lebih sensitif. Inilah yang dibayangkan oleh Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* melalui hadisnya sebagaimana yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah *radhiallahu anhu*. Nabi *sallallahu alaihi wasallam* bersabda yang bermaksud:

Maksudnya: “Berwasiatlah untuk para wanita kerana sesungguhnya wanita itu diciptakan dari tulang rusuk dan yang paling bengkok dari bahagian tulang rusuk adalah bahagian atasnya. Jika engkau ingin meluruskan tulang rusuk tersebut maka engkau akan mematahkannya, dan jika engkau membiarkannya maka ia akan tetap bengkok, maka berwasiatlah untuk para wanita”.

Oleh itu, didiklah anak perempuan dengan baik dan fahamkan mereka dengan tanggungjawab-tanggungjawab yang mereka harus pikul sebagai wanita Islam seperti solat, menjaga aurat dan batas-batas pergaulan. Usah terpedaya dengan hambatan nafsu dunia yang melalaikan sedangkan hakikatnya akhirat dan syurga yang abadi lebih indah dari fatamorgana dunia.

Keempat: Saudara perempuannya

Apabila ayah mahupun suami telah meninggal dunia, maka adalah menjadi kewajipan bagi saudara-saudara lelaki untuk mengawasi dan memelihara maruah saudara-saudara perempuan mereka seperti mereka memelihara maruah anak dan isteri mereka sendiri. Ini selaras dengan tuntutan Allah *subhanahu wata’ala* melalui firman-Nya dalam surah asy-Syuara’ ayat 214 yang bermaksud:

“Dan berilah peringatan serta amaran kepada kaum kerabatmu yang dekat”.

Oleh itu, kaum lelaki mestilah mengambil tanggungjawab mendidik, membimbing dan melindungi saudara-saudara perempuan dan anak-anaknya.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Pada masa yang sama, wanita diangkat tinggi darjatnya dalam Islam sekaligus memiliki banyak keistimewaan berbanding lelaki. Bahkan terdapat satu surah dalam al-Qur'an yang khusus menerangkan mengenai wanita yang dinamakan dengan surah "an-Nisa". Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* juga menjanjikan syurga sebagai satu khabar gembira kepada wanita yang mencukupi syarat-syarat tertentu.

Hadis daripada Abdul Rahman bin 'Auf *radhiallahu anhu* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda yang bermaksud:

Maksudnya: *"Jika seorang wanita menjaga solat lima waktu, berpuasa sebulan (di bulan Ramadhan), serta menjaga kemaluannya (dari perbuatan zina) dan benar-benar taat pada suaminya, maka dikatakan pada wanita yang memiliki sifat mulia ini, "Masuklah kedalam surga melalui pintu mana saja yang engkau suka".*

(Hadis riwayat Imam Ibnu Hibban).

Wanita juga memainkan peranan penting dalam penyebaran Islam. Lihat sahaja contoh manusia pertama yang memeluk Islam selepas baginda Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* ialah Ummul Mukminin Saidatina Khadijah, manakala wanita pertama yang mati

syahid dalam Islam pula ialah Sumayyah. Begitu juga dengan wanita-wanita lain yang dimuliakan di dalam Islam seperti ibu Baginda sendiri iaitu Aminah dan isteri Firaun yang bernama Asiah serta perihal ratu Balqis yang mana kisah mereka dicatatkan dalam lembaran ayat suci al-Quran.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, khatib sekali lagi mengajak kaum muslimin sekalian supaya:

Pertama: Kaum muslimin hendaklah menyedari bahawa Allah *subhanahu wata'ala* memberikan tanggungjawab ke atas mereka untuk mendidik dan membimbing kaum wanita dengan amanah dan toleransi.

Kedua: Umat Islam janganlah memandang rendah, meremeh dan menafikan hak-hak kaum wanita.

Ketiga: Kaum muslimin hendaklah memberi bimbingan agama yang betul kepada kaum wanita khususnya dalam mendirikan ibadat solat.

Akhirnya, marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah Toha, ayat 132:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَأْمُرْ أَهْلَكَ بِالصَّلَاةِ وَاصْطَبِرْ عَلَيْهَا لَا نَسْأَلُكَ رِزْقًا نَحْنُ نَرْزُقُكَ ^{قله}

وَالْعَقِبَةُ لِلتَّقْوَى ﴿١٣٣﴾

Maksudnya: Dan perintahkanlah keluargamu serta umatmu mengerjakan solat dan hendaklah engkau tekun bersabar menunaikannya. Kami tidak meminta rezeki kepadamu, Kamilah yang memberi rezeki kepadamu; dan kesudahan yang baik adalah bagi orang yang bertaqwa..

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَخَدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ. قَالَ اللَّهُ
تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ
مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ يَا قَاضِيَ
الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah ! Ya Rahman ! Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri

kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Kabulkanlah doa kami. Terimalah segala amal ibadah dan ketaatan kami kepada-Mu. Ya Allah, limpahkanlah ke atas kami nikmat kesihatan dan keafiatan, kurniakanlah kesembuhan kepada mereka yang diuji dengan penyakit-penyakit dan bebaskanlah negara kami daripada segala perkara yang tidak diingini dan wabak penyakit, khususnya wabak COVID 19. Menangkanlah kami dalam memerangnya.

رَبَّنَا أُنْتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ،
أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ
الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ
يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.